

Pelajar enggan sertai aktiviti tidak direstui bimbang dipulaukan

UM - 3 FEB 2003

KUALA LUMPUR 2 Feb. — Kebanyakan pelajar Malaysia yang menuntut di Mesir enggan melibatkan diri dengan aktiviti yang tidak direstui oleh Persatuan Melayu Arab-Mesir (PMRAM) kerana bimbang dipulaukan.

Walaupun setakat ini tidak ada insiden serius yang berlaku, beberapa pelajar mendakwa pernah menerima gangguan telefon, diugut dan dipulaukan oleh anggota persatuan berkenaan.

Antara yang sering menjadi sasaran ialah ahli Kelab UMNO dan pelajar yang menyertai aktiviti anjuran Kedutaan Malaysia di Kaherah.

Menurut **Haslina Abu Bakar**, penuntut tahun tiga jurusan syariah Universiti Al-Azhar di cawangan Iskandariah, PMRAM seboleh mungkin mahu mengongkong pelajar Malaysia di sana.

Beliau mendedahkan kira-kira 15 pelajar Iskandariah misalnya telah dihalang ke Kaherah bagi mengikuti ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa lawatan kerja Perdana Menteri baru-baru ini.

Cawangan Iskandariah menempatkan 10,000 pelajar wanita kesemuanya dengan 700 daripadanya adalah dari Malaysia.

Idarmi Abdul Kadir, pelajar tahun satu Usuludin, cawangan Al-Azhar di Mansurah pula memberitahu pengaruh PMRAM di kalangan pelajar Malaysia amat kuat.

"Setiap pelajar baru yang datang

ke sini akan ditentukan rumah sewa dan tempat tinggal mereka oleh pemimpin PMRAM.

"Di setiap rumah itu pula akan ada 'mushrifah' iaitu wakil PMRAM yang bertindak sebagai ketua, mengawal pergerakan pelajar baru terabit," katanya.

Pelajar tahun akhir Syariah Islamiah Universiti Al-Azhar, kampus induk di Kaherah, Hariran Jusoh mendedahkan tindak-tanduk ahli persatuan itu yang menjadikan cara berpakaian pelajar sebagai bahan tohmahan.

"Pelajar perempuan terutamanya akan dipandang serong hanya kerana berbaju kurung dan tidak memakai jubah dan berpurdah," katanya.

Muslihat

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Kelab UMNO mendakwa PMRAM amat mirip dengan Pas memandangkan isu hudud dan sekolah agama rakyat (SAR) yang dipertingkatkan mengikut rentak parti itu di tanah air.

Bagaimanapun menurutnya, semakin ramai pelajar Malaysia di Mesir mula menyedari muslihat PMRAM hendak menyerapkan fahaman politik di sebalik alasan menjaga kebajikan mereka.

Dalam tempoh dua tahun sahaja, Hariran memberitahu kelab tersebut telah berjaya meningkatkan jumlah ahli kepada 1,000 orang.

Pengerusi Kelab UMNO Mesir, **Ahmad Sanusi Mohd. Noor** berka-

ta, matlamat kelab itu ialah menjaga kebajikan pelajar dan melengkapkan mereka dengan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan serta kemahiran sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan.

"Program yang kita anjurkan seperti Seminar Perbankan Islam, rehlah dan yang akan datang, kursus bahasa Inggeris berjaya menarik perhatian pelajar.

"Kita juga memastikan mereka mendapat bantuan sewaktu keemasan malah tahun ini kita sumbangkan buku kuliah kepada para pelajar," katanya.

Beliau percaya lebih ramai pelajar akan menyertai kelab tersebut pada masa depan berdasarkan aktiviti berfaedah yang dianjurkan.

Ahmad Sanusi juga berharap lebih ramai pemimpin negara terutama peringkat negeri dapat memberi perhatian kepada pelajar Malaysia di Mesir bagi memperbetulkan tanggapan salah mereka terhadap kerajaan selama ini.

"Kita memerlukan komitmen kerajaan untuk membuka minda pelajar agar tidak terus terpengaruh dengan tohmahan pembangkang bahawa kerajaan yang memerintah sekarang tidak Islamik," katanya.